

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah punca utama kematian pesakit COVID-19 di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Kes kematian COVID-19 yang pertama di Malaysia adalah pada 17 Mac 2020.** Sehingga 10 November 2020, **bilangan kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 300 kematian iaitu bersamaan dengan 0.71%.** Jika dibuat perbandingan dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara, kadar kematian ini adalah agak rendah di mana Indonesia (3.33%), Vietnam (2.88%), Thailand (1.56%), Brunei (2.02%) dan Singapura (0.05%).

2. Merujuk kepada data kematian COVID-19, **daripada 300 kematian ini, 67.33% adalah terdiri daripada pesakit lelaki dan 86% adalah merupakan warganegara Malaysia.** 85.33% (iaitu bersamaan 256 kes) daripada jumlah kematian ini adalah terdiri daripada pesakit yang berumur 50 tahun dan ke atas yang mana majoritinya adalah terdiri daripada pesakit yang berumur di antara 60 hingga 69 tahun iaitu sebanyak 90 kes (bersamaan 30%) daripada jumlah keseluruhan kematian.

3. **Sejumlah 216 kes kematian (iaitu bersamaan 72%) adalah merupakan kes kematian yang telah menerima rawatan di fasiliti**

kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, manakala selebihnya iaitu 84 kes kematian (bersamaan 28%) adalah kematian yang berlaku sebelum tiba mendapatkan rawatan fasiliti kesihatan.

Terdapat sebanyak 162 kes kematian di Sabah, 29 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 22 di Johor, 19 di Sarawak, 18 di Selangor dan selebihnya di lain-lain negeri.

4. Jika dilihat pada faktor risiko komorbiditi, 86.57% (iaitu 232 kes) mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) jenis penyakit lain seperti darah tinggi, kencing manis, sakit jantung dan sakit buah pinggang. Daripada jumlah ini, 59.70% (iaitu 160 kes) mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) jenis penyakit atau lebih.

5. Pesakit COVID-19 dikategorikan berdasarkan 5 tahap klinikal iaitu Tahap 1 yang tidak bergejala manakala Tahap 5 adalah bagi kes kritikal yang melibatkan pelbagai organ. **Didapati majoriti kes kematian yang mendapatkan rawatan tiba di hospital pada tahap yang tenat iaitu pada Tahap 4 sebanyak 54.63% dan kritikal iaitu pada Tahap 5 sebanyak 26.85%.**

6. **Punca kematian pula adalah severe pneumonia, iaitu jangkitan paru-paru yang teruk serta melibatkan kegagalan fungsi organ-organ lain, di mana ianya merangkumi sebanyak 260 kes (iaitu 89.66%) daripada jumlah keseluruhan kematian,** diikuti oleh sakit jantung akut sebanyak 19 kes (iaitu 6.55%) dan selebihnya adalah melibatkan lain-lain punca seperti kanser.

7. Kesimpulannya, berdasarkan statistik yang telah dibentangkan, dapatlah dirumuskan bahawa faktor-faktor risiko yang boleh menyumbang kepada kematian kes COVID-19 adalah faktor umur, pesakit yang berusia 50 tahun keatas; pesakit yang mempunyai komorbiditi, terutamanya darah tinggi, kencing manis dan lain-lain penyakit kronik; serta tahap klinikal pesakit adalah dalam tahap yang tenat dan kritikal ketika mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.

Sekian, terima kasih.